



31 AUG, 2024

Kastam berkas wanita warga Thailand, rampas heroin 5.2kg

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam berkas wanita warga Thailand, rampas heroin 5.2kg



Ismail menunjukkan dadah yang ditemui dalam ruangan khas pada beg yang disembunyikan dalam begasi di Kompleks ICQS Padang Besar, Rabu lalu.

(Foto Aizat Sharif /BH)

Kangar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis menahan seorang wanita warga Thailand dan merampas dadah jenis heroin seberat 5.252 kilogram (kg) bernilai RM492,375 di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, di sini pada Rabu lalu.

Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim, berkata wanita berusia 30 tahun itu ditahan di bilik mesin pengimbas begasi Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP) kompleks itu pada jam 6.40 petang apabila sebuah begasi dibawanya didapati mengandungi barang larangan disyaki dadah.

"Pemeriksaan rapi ke atas begasi menemukan dua beg tangan dan dua beg galas masing-masing mengandungi paket berwarna coklat yang disembunyikan dalam ruangan khas beg berkenaan.

"Pemeriksaan rapi ke atas pa-

ket itu pula mendapati semuanya mengandungi serbuk putih disyaki dadah jenis heroin," katanya pada sidang media di Kompleks Kastam Negeri di sini, semalam.

Ismail berkata, wanita itu memberi alasan mahu pergi ke Kuala Lumpur untuk sambutan hari lahir rakan dengan merancang menaiki teksi dari Padang Besar ke Stesen Bas di Kangar.

Beliau berkata, bekalan dadah dipercayai diperoleh dari Bangkok, Thailand itu dipercayai untuk pasaran di Kuala Lumpur dan pihaknya tidak menolak kemungkinan terdapat rangkaian dadah berkenaan di ibu negara.

"Perintah reman tujuh hari dikeluarkan Mahkamah Majistret Kangar semalam (kelmarin) ke atas wanita itu untuk membantu siasatan kes mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.



31 AUG, 2024

Kastam berkas wanita warga Thailand, rampas heroin 5.2kg

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kangar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis menahan seorang wanita warga Thailand dan merampas dadah jenis heroin seberat 5.252 kilogram (kg) bernilai RM492,375 di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, di sini pada Rabu lalu. Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim, berkata wanita berusia 30 tahun itu ditahan di bilik mesin pengimbas bagasi Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP) kompleks itu pada jam 6.